

MAHATHIR-PENGEMBARA

1985

KUALA LUMPUR, 12 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERHARAP LEBIH RAMAI RAKYAT NEGARA INI AKAN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM KEGIATAN PENGEMBARAAN SAINTIFIK.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN AMPANG JAYA DI SINI, BELIAU BERKATA AMATLAH MENGEMBIRAKAN SEKIRANYA SEMAKIN RAMAI RAKYAT MALAYSIA MEMPUNYAI SEMANGAT MENGEMBARA.

BELIAU MENARIK PERHATIAN BAHAWA RAMAI ORANG LUAR TELAH DATANG KE NEGARA INI UNTUK MEMBUAT PENYELIDIKAN SAINTIFIK DI SESEBUAH KAWASAN SEDANGKAN ORANG TEMPATAN SEKELILING TIDAK MAHU BERBUAT DEMIKIAN.

KATANYA SALAH SATU TEMPAT YANG BOLEH DIJALANKAN PENGEMBARAAN UNTUK PENYELIDIKAN SAINTIFIK IALAH DI KAWASAN ENDAU-ROMPIN YANG DISIFATKANNYA SEBAGAI SALAH SEBUAH TEMPAT YANG PALING INDAH DI MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KESUKAAN MENGEMBARA BUKAN SAHAJA AKAN MELUASKAN PANDANGAN, BAHKAN BOLEH MEMAJUKAN PESONALITI SESEORANG DI SAMPING BERSEEDIA MENYAMBUUT CABARAN.--LAGI

1812MST 12 05 85

MAHATHIR-PENGEMBARA 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA TIMBALAN PERDANA MENTERI BURMA THURA U TUN TIN, YANG MELAWAT NEGARA INI BARU-BARU INI TELAH MEMBERITAHU BAHAWA NEGARANYA MEMPUNYAI GUNUNG-GANANG YANG TINGGI BERSALJI DI SEBELAH UTARA NEGARANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENCADANGKAN PENDAKI-PENDAKI GUNUNG TEMPATAN MEMBUAT LATIHAN DI BURMA KETIKA MENUNGGU MASA UNTUK MENDAKI DI NEPAL.

PERDANA MENTERI BERKATA UNTUK MENDAKI GUNUNG DI NEPAL TERPAKSA MENUNGGU GILIRAN DALAM SENARAI SELAMA LIMA TAHUN DAN SEMENTARA MENUNGGU, PENDAKI TEMPATAN BOLEHLAH BERLATIH DAN MENCUBA DAHULU DI BURMA DI SAMPING DI GUNUNG-GANANG TEMPATAN SEPERTI GUNUNG TAHAN DAN GUNUNG KINABALU.--BERNAMA

1813MST 12 05 85